



INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION, PSYCHOLOGY AND COUNSELLING (IJEPC)

www.ijepec.com



PEMBUDAYAAN KONOTASI “BAHASA JIWA BANGSA”: REFLEKSI IDENTITI KEBANGSAAN KE ARAH SINERGI SOLIDARITI DAN HARMONISASI RAKYAT MALAYSIA

CULTIVATING THE CONNOTATION OF “LANGUAGE IS THE SOUL OF THE NATION” REFLECTION OF NATIONAL IDENTITY TOWARDS SYNERGY OF SOLIDARITY AND HARMONISATION OF MALAYSIANS

Irma Wani Othman^{1*}, Muhammad Safuan Yusoff², Herlina Jupiter³, Saifulazry Mokhtar⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: irma@ums.edu.my

² Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: safuan_y@yahoo.com

³ Penerbit UMS, Universiti Malaysia Sabah

Email: herina@ums.edu.my

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.05.2021

Revised date: 24.06.2021

Accepted date: 20.07.2021

Published date: 31.07.2021

To cite this document:

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Jupiter, H., & Mokhtar, S. (2021). Pembudayaan Konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa”: Refleksi Identiti Kebangsaan Ke Arah Sinergi Solidariti Dan Harmonisasi Rakyat Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 55-75.

Abstrak:

Makalah ini membahaskan pembudayaan konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa” sebagai elemen pemupukan refleksi identiti yang melambangkan solidariti satu bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu bagi mencapai sinergi harmonisasi rakyat Malaysia. Penghujahan diketengahkan justeru bermatlamat menjelajahi pengalaman Malaysia sebagai sebuah negara masyhur dengan keunikan rencam bangsa, namun terpaksa mendepani pelbagai cabaran demi memartabat bahasa ibunda. Kaedah analisis kandungan data sekunder mengutilasi hasil perolehan intihanya jurnal, laporan, buku, wawancara, berita dalam talian dan lain-lain bahan bercetak. Mendasari latar belakang kajian bersifat inaugurasi, seleksi isu-isu signifikan yang dibahas dan diadun penjustifikasian merangkumi hujahan antaranya (i) Sikap, kesedaran, komitmen dan tanggungjawab masyarakat ke arah permuafakatan pemeraksanaan bahasa kebangsaan, (ii) Fenomena media sosial dan pengaruh media massa dalam kelestarian bahasa kebangsaan, (iii) Kealpaan pemuliharaan penghasilan karya seni dan kesusasteraan negara dan

DOI: 10.35631/IJEPC.641005

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)

(iv) Peranan vital Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam menyemarakkan pembudayaan konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa”. Disputasi sasaran perbincangan secara tuntas menekankan relevansi penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang ternyata membuktikan iltizam negara memelihara kelangsungan status bahasa Melayu melalui penguatkuasaan perundangan. Hala tuju masa depan kajian seumpama ini wajar memfokalkan intipati perdebatan lanjut bagi mendukung bahasa ibunda sebagai satu khazanah dan warisan terbesar buat rakyat Malaysia.

Kata Kunci:

“Bahasa Jiwa Bangsa”, Refleksi Identiti, Solidariti, Harmonisasi, Masyarakat Majmuk

Abstract:

This paper discusses the culture connotation of “Bahasa Jiwa Bangsa” (Language is the Soul of the Nation) as a reflection inseminating element that symbolises the solidarity of the national language of the Malay language in order to achieve synergies harmonisation Malaysians. The arguments were highlighted with the aim of exploring the experience of Malaysia as a country famous for its unique racial mix but had to face various challenges in order to uphold the mother tongue. Secondary data content analysis methods utilise the results of the journals’ conclusions, reports, books, interviews, online news, and other printed materials. Underlying the background of the inaugural study, the selection of significant issues discussed and justified included arguments such as (i) Attitude, awareness, commitment, and responsibility of the community towards a consensus on national language empowerment, (ii) Social media phenomenon, and the influence of mass media in sustainability national language, (iii) The negligence preservation of the artworks production and national literature and (iv) The vital role of Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (Institute of Language and Literature) in promoting the cultivation of the connotation of “Bahasa Jiwa Bangsa”. The goal of the dispute through discussion emphasised the relevance of the drafting of the National Language Act 1963/67 which proves the state’s commitment to maintaining the continuity of the status of the Malay language through enforcement of legislation. The future direction of such a study should focus on the essence of further debate to support the mother tongue as one of the greatest treasures and heritage for Malaysians.

Keywords:

Language is the Soul of the Nation, Identity Reflection, Solidarity, Harmonisation, A Plural Society

Latar Belakang

Pembudayaan bahasa merupakan kesejagatan unit sosial berinteraksi dalam sebuah sistem komunikasi yang memiliki persamaan dalam makna pemikiran (Othman, 2019a). Pemeraksanaan bahasa dalam sesebuah tamadun mampu memartabatkan negara menjadi hab penyebaran ilmu termasyhur di persada dunia (Othman, 2019b). Sejarah menyaksikan kehebatan ketamadunan lebih 5,000 tahun dahulu dalam usaha gigih bangsa Yunani memartabat dan mempelopori bahasa ibunda mereka sehingga menjadi hab cendekiawan

sepelusok dunia, lantas berjaya membina empayar penyebaran ilmu tersohor (Hassan, Angterian & Yusop, 2017). Dalam konteks sejarah ketamadunan Nusantara sebagai rantau bersepadu yang merangkumi lingkungan pengaruh kebudayaan serta linguistik di Asia Tenggara, kita turut melihat keberhasilan masyarakatnya mendukung bahasa Melayu sebagai *lingua franca* (bahasa perantara) (Hassan, Angterian & Yusop, 2017). Bukan sahaja dituturkan rakyat seharian malahan bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa perhubungan perdagangan antarabangsa sepanjang Zaman Pertengahan Abad ke-7 Masihi sehingga Abad ke-19 Masihi (Hassan, Angterian & Yusop, 2017). Tanah Melayu dirahmati dengan kedudukan strategik Melaka berada di pertengahan laluan perdagangan Timur dan Barat, bukan sahaja gah Kesultanan Melayu Melaka sebagai daulah islamiyah Melayuwiyah. Bahkan bahasa Melayu dijulang menjadi bahasa perantara ekonomi dalam urusan perdagangan dan maritim di Tanah Melayu mengatasi 84 bahasa yang dipertuturkan oleh para pedagang (Esa, Ationg, Othman, Mohd Shah, Yusoff, Ramlie & Abang Muis 2021).

Kemerdekaan Tanah Melayu yang dicatat pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Persekutuan Malaysia bertarih 16 September 1963 menyaksikan bahasa Melayu digunakan sebagai wadah komunikasi demi penyatuan rencam bangsa, etnik dan agama rakyat Malaysia (Ahmad & Sulong, 2019). Dasawarsa ini, sama ada kita sedar atau alpa, masyarakat majmuk Malaysia berpengalaman mengasimilasi diri dengan kemahiran berkomunikasi dengan satu bahasa yang difahami oleh pelbagai etnik dan bangsa (Othman, Ationg, Esa, Hajimin & Abang Muis, 2021a). Walaupun menggunakan dialek pertuturan berbeza, rakyat negara ini diikat dengan bahasa Melayu yang dikenali sebagai bahasa kebangsaan seperti termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Ahmad Kamal Arifin & Sharifah Darmia, 2008). Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) dikuatkuasakan sebagai pertaruhan negara dalam membudayakan bahasa ibunda sebagai bahasa rasmi bagi menyumbang signifikan kepada kesepaduan nasional (Sharifah Darmia, 2019). Akta 32 mengandungi sehimpunan seksyen berkaitan prosedural perundangan yang melibatkan bahasa kebangsaan. Antara yang diberi penekanan adalah Seksyen 2 mengaitkan implementasi bahasa Melayu sebagai bahasa urusan rasmi kerajaan di mana Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menggalas tanggungjawab bersama secara proaktif memperkenalkan program inisiatif pengukuhan bahasa kebangsaan (Kamil & Mohamad, 2020). Manakala Seksyen 8 mewajibkan bahasa Melayu sebagai medium bahasa semua urusan prosiding mahkamah-mahkamah Malaysia, kecuali bagi keterangan saksi di mana diberi kelonggaran boleh menggunakan bahasa pertuturan individu berkenaan (Ahmad Kamal Arifin & Sharifah Darmia, 2008). Seterusnya Seksyen 9 mendaulatkan tulisan rumi dalam bahasa tulisan rasmi. Kesenambungan dari itu Akta Lagu Kebangsaan 1968 (Akta 390) menggariskan tata susila pematuhan lagu kebangsaan Malaysia bagi rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan, bangsa dan agama (Jeniri, 2009).

Hari ini selepas hampir 64 tahun merdeka, tanggungjawab memelihara dan memartabatkan bahasa ibunda sewajarnya terletak di bahu setiap rakyat Malaysia (Othman, Ibrahim, Esa, Ationg, Mokhtar, Mohd Tamring & Sharif Adam, 2021b). Namun benarkah modenisasi pemikiran yang dikatakan berkembang seiring dengan kebudayaan globalisasi dikhuatiri turut menghanyutkan iltizam kita untuk memperkasa bahasa kebangsaan? Pada tahun 2007, mantan Menteri Penerangan Malaysia, Datuk Seri Zainuddin Maidin menjelaskan penggunaan “Bahasa Malaysia” dijadikan sebuah istilah standard bahasa Melayu yang mendapat ketetapan piawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai bahasa kebangsaan

negara Malaysia (Rozita & Hashim, 2014). Hal yang menjadi persoalan adakah dasar-dasar kerajaan seawal Laporan Razak yang menentang bahasa Melayu menjadi medium bahasa utama dalam pengajaran bagi SRK, diikuti termaktubnya bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia dikaitkan dengan agenda kepentingan politikus tanahair tanpa meneliti maksud sebenar perjuangan perpaduan nasional? Persoalan berhubung sejauhmana penerapan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama melalui penstrukturan semula sekolah vernakular, malahan intervensi Dasar 2002 Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran Matematik dan Sains difahami oleh rakyat sebagai usaha murni pihak pemerintah memperjuangkan bahasa kebangsaan negara (Tuah Ishak & Mohini Mohamed, 2010). Penghujahan dalam makalah ini diketengahkan justeru bermatlamat menjelajahi pengalaman Malaysia sebagai sebuah negara masyhur keunikan rencam bangsa, namun terpaksa mendepani pelbagai cabaran demi memartabat bahasa ibunda. Seyogianya, pembudayaan bahasa ibunda menjunjung “Bahasa Jiwa Bangsa” sebagai elemen pemupukan refleksi identiti yang melambangkan solidariti satu bahasa kebangsaan seperti yang dibincangkan dalam makalah ini berupaya memberi justifikasi usaha murni negara ke arah mencapai sinergi harmonisasi rakyat Malaysia.

i. Sikap, Kesedaran, Komitmen dan Tanggungjawab Masyarakat ke Arah Permuafakatan Pemeraksanaan Bahasa Kebangsaan

Menongkah kesenjangan etnik menjadi satu cabaran pembangunan politik, ekonomi dan sosial bagi negara seperti Malaysia yang beridentiti unik sebuah masyarakat majmuk (Mohd Sohaimi & Romzi, 2020). Iktibar Peristiwa 13 Mei mengajar erti kerapuhan permuafakatan apabila hilang rasa kepercayaan rakyat bahawa negara ini milik semua (Mohd Sohaimi, Dayu Sansalu & Budi Anto, 2011). Bangsa Malaysia merupakan kunci perpaduan nasional, sepertimana bahasa kebangsaan disandarkan sebagai senjata perpaduan bagi merealisasikan aspirasi 1-Malaysia. Isu bahasa sering disalahtafsir membawa konflik etnik apabila kemampuan bahasa Melayu yang diketengahkan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan negara mahupun bahasa rasmi urusan kerajaan, akhirnya tidak mampu mencerminkan keperibadian rakyat Malaysia (Adbul Hamid, Esa, Ationg, Othman, Sharif Adam, Mohd Tamring & Hajimin, 2021). Mempertahankan Bahasa Malaysia diperbahaskan oleh Za’ba dalam hasil karya “Bahasa Kebangsaan Malaya Sa-lepas Merdeka” melampirkan alasan kewajaran bahasa Melayu diutamakan menjadi bahasa kebangsaan (Iberahim, Mahamod & Mohammad, 2017). Intipati justifikasi tokoh tersohor berkenaan antaranya meletakkan kedudukan bahasa Melayu sebagai senjata menyemarak perpaduan dan berperanan selaku wadah komunikasi yang memangkin kohesi perpaduan nasional (Sharifah Darmia, 2014).

Mendepani Dilema Generasi Muda Alaf Modenisasi

Masyarakat majmuk Malaysia bercirikan kepelbagaian keturunan etnik, perbezaan falsafah kehidupan dan pegangan agama serta keunikan bahasa secara rasional turut mengundang heterogen konflik perpaduan nasional (Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi, Yusten & Budi Anto, 2015). Antara dilema mendepani masyarakat berbilang bangsa zaman modenisasi kini adalah keupayaan rakyat menguasai kefasihan bertutur dalam bahasa kebangsaan (Othman, Mohd Shah, Yusoff, Esa, Ationg, Ramlie & Abdul Rahman, 2021c). Walaupun usaha tegar diterapkan oleh kerajaan melalui dasar-dasar awam bagi memupuk semangat patriotisme, namun keenganan yang lahir dari diri serta sifat menolak usaha memelihara bahasa ibunda yang khazanah bernilai negara ternyata mengecewakan (Berita Harian, 2015). Dari perspektif

tersebut, pembudayaan konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa” sebagai elemen pemupukan refleksi identiti kebangsaan menjadi semakin sukar diperjuangkan (Othman, Ibrahim, Esa, Ationg, Mokhtar, Mohd Tamring & Sharif Adam, 2021d). Sikap sambil lewa dan tidak ambil peduli berleluasa terutama melibatkan golongan Generasi-Z yang menganggap bahasa Malaysia hanya untuk dipelajari sebagai sebuah mata pelajaran di sekolah. Sekian tahun laporan purata kegagalan 35 ribu pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan Sijil pelajaran Malaysia (SPM) membuktikan generasi muda memandang mudah kepentingan dan kedudukan bahasa kebangsaan (Berita Harian, 2014). Keciciran mata pelajaran Bahasa Malaysia meningkat dan semakin mendominasi golongan pelajar berbangsa Melayu berbanding mereka yang bukan berbangsa Melayu merupakan isu yang membimbangkan. Ketidakprihatinan anak-anak Melayu terhadap penguasaan bahasa ibunda kerana merasakan sudah berada dalam zon selesa bertutur dalam bahasa Melayu semenjak kecil dilihat sebagai satu kesilapan besar (Othman, Yusoff, Mohd Shah, Esa, Ationg, Ibrahim & Raymond Majumah, 2021e). Keterpinggiran penggunaan bahasa baku bukan sahaja di sumbang oleh pengaruh ‘bahasa rojak’ diadun dengan bahasa dialek, malahan fikiran skeptikal yang berpandangan mata pelajaran Matematik dan Sains mampu menjanjikan pemilihan masa depan pekerjaan yang lebih baik (Md Idris, 2013). Tambahan, sifat semula jadi mata pelajaran penguasaan dan kemahiran bahasa yang menuntut pemahaman dan penulisan tubi dikatakan faktor yang menjerihkan generasi muda.

Kesedaran Awal terhadap Relevansi Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Dalam konteks ini, kesedaran awal terhadap relevansi mata pelajaran bahasa Melayu harus dipupuk dalam kalangan pelajar agar mereka disuntik pemahaman kepentingan bahasa kebangsaan dalam usaha mencapai sinergi harmonisasi rakyat Malaysia. Memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi persekutuan tidak mengurangkan kepentingan bahasa lain sebaliknya memberi kohesi perpaduan yang lebih meluas mencakupi peluang membina permuafakatan masyarakat berbilang bangsa di negara ini (Sharifah Darmia, 2014). Persepsi generasi muda berhubung ketaksuban etnosentrik bahasa mengikut bangsa dapat dieliminasi dengan penerapan kesedaran berterusan terutama dari sektor pendidikan (Othman, Yusoff, Mohd Shah, Mokhtar, Abang Muis, Marinsah & Marzuki, 2021f). Pelancaran program Minggu Bahasa Melayu yang dianjurkan di peringkat sekolah rendah dan menengah seperti pertandingan debat, deklamasi sajak dan puisi, seloka gurindam dan pantun berupaya membariskan pelapis sasterawan muda negara suatu hari kelak (Lukmanulhakim, 2020). Sikap tidak ambil peduli celik minda generasi muda dengan pembudayaan bahasa boleh diubah dengan pelibatan para ibu bapa yang berganding bahu bersama pengurusan sekolah bagi memangkinkan minat anak-anak mereka. Penumpuan keprihatinan pihak pengurusan sekolah terhadap perkhidmatan kelas tambahan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu memberi impak besar bagi komitmen ibu bapa dalam memastikan anak-anak mereka memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.

Sikap Individualistik Piawai Kurang Kefasihan Bahasa Melayu

Penghujahan seterusnya mengenai punca masyarakat hari ini kurang fasih berbahasa Melayu disumbang oleh sikap individualistik yang semakin menebal dalam diri (Othman, 2019c). Malangnya masyarakat yang bersifat individualistik mewajarkan kepentingan diri sebagai hak peribadi yang harus dipertahankan tanpa mepedulikan dampak perbuatan berkenaan kepada kesejahteraan umum. Amalan gaya hidup tersebut bukan sahaja bertentangan dengan

piawai moral masyarakat multietnik di Malaysia, bahkan memberi kesan ke atas solidariti perjuangan kerajaan memartabatkan bahasa kebangsaan. Semakin hari kita mendepani kealpaan masyarakat individualistik yang meminggirkan aktiviti sosial kejiwaan disebabkan sikap tidak mahu ambil tahu dan tidak mahu membazir masa. Berbeza dengan masyarakat terdahulu yang kaya dengan hemah diri, berbudi bahasa dan prihatin kebajikan jiran tetangga, sehinggakan amalan Rukun Tetangga menjadi mandat yang dipikul sepenuh hati demi solidariti penduduk setempat (Kamil & Mohamad, 2020). Ukwah kawasaan kejiwaan mendidik masyarakat bersifat kekitaan dan memperlihatkan inisiatif untuk mengasimilasikan dengan kehidupan bermasyarakat. Justeru halangan untuk berbahasa Melayu dan berinteraksi dengan segenap lapisan masyarakat bukan lagi menjadi isu (Othman, 2019d). Antara negeri yang wajar dicontohi adalah Kelantan yang dicemburui apabila melihat kebolehan kaum Cina dan India negeri Kelantan berinteraksi dengan kaum Bumiputera dalam bahasa Melayu dialek Kelantan tanpa merasa kekok. Natijah kesepaduan masyarakat melalui wadah bahasa terbukti suatu usaha nilai murni ke arah mencapai sinergi harmonisasi rakyat Malaysia.

Revolusi teknologi dalam capaian jaringan maklumat di hujung jari menjarakkan lagi jurang pemisah silaturahmi. Senario tersebut menjadikan generasi muda zaman ini bertambah kekok untuk terlibat dalam aktiviti khidmat masyarakat seperti gotong royong majlis keraian, misi kebajikan dan keprihatinan masyarakat setempat. Apatah lagi mengharapkan generasi muda diketengahkan menjadi pelopor program yang bersifat pemupukan dan pemeliharaan bahasa ibunda sebagai khazanah negara yang tidak ternilai harganya. Tanpa mereka disedari pelaksanaan amalan program kemasyarakatan sebenarnya sebuah medan pendedahan sosial yang melatih diri menghapuskan sifat individualistik. Akhirnya senario berikut mewujudkan kurang kefasihan masyarakat bertutur dalam bahasa Melayu dan merubah norma kehidupan menjadi pesimistik yang cenderung melihat keburukan sesuatu perkara melebihi dari kebaikan.

Justeru itu, dengan sumber kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan melalui Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (semakan tahun 1978, pindaan dan peluasan 1995) mencetuskan idea konsep pemupukan bahasa bagi menarik minat masyarakat mengenali bahasa kebangsaan secara dekat lagi. Kempen Cintai Bahasa Kebangsaan Kita anjuran tahunan Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai agenda aspirasi jati diri dan citra bangsa melalui pengisian program-program yang mampu menyemarak, memartabat dan melestari bahasa kebangsaan dari segenap lapisan masyarakat (Yusfarina & Abdul Rasid, 2011). Kesenambungan dari Minggu Bahasa Melayu di peringkat sekolah, maka pendedahan penyertaan generasi muda dalam acara peringkat kebangsaan seperti pertandingan kuiz bahasa dan forum penulis muda mampu membuahkan rasa keihklasan dan memupuk kecintaan bagi membudayakan bahasa kebangsaan dalam kehidupan. Dewan Bahasa dan Pustaka setapak melangkah memperkasakan sambutan program bertaraf antarabangsa dengan menganjurkan penyertaan luar negara dalam Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu lantas mengangkat martabat Bahasa Melayu di persada dunia (Berita Harian, 2019).

i. Fenomena Media Sosial dan Pengaruh Media Massa dalam Kelestarian Bahasa Kebangsaan

Media sosial merupakan perkhidmatan atas talian bagi perkongsian dan sepenggunaan informasi berbentuk peribadi yang meliputi dunia virtual, rangkaian sosial, blog, wiki dan sebagainya. Sehingga Disember 2019, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

(SKMM) melaporkan 78.8 peratus pengguna internet yang didaftarkan memilih media sosial sebagai antara lima aktiviti tertinggi (Sinar Harian, 2019). Namun begitu, impak penyalahgunaan bahasa Melayu di media sosial menjadi kebimbangan apabila capaian pelantar media seperti Facebook, Whatsapps, Youtube, Instagram, Facebook Messenger dan Telegram menyumbang fenomena kecelaruan minda generasi muda, lantas menghilangkan identiti “Bahasa Jiwa Bangsa”. Penyalahgunaan bahasa Melayu di media sosial berlaku apabila pertuturan yang melibatkan kombinasi lebih dari satu bahasa dalam satu masa, dengan kecenderungan membentuk frasa bersifat selesa dan ringkas. Mencampurkan bahasa rasmi persekutuan dengan bahasa asing yang tidak mendapat pengiktirafan mencerminkan sikap tidak menghargai ketinggian bahasa kebangsaan malahan berniat untuk mencemarkan proses pemupukan pembudayaan bahasa rasmi negara.

Pencemaran Bahasa di Media Sosial Merosakkan Imej Bahasa Melayu

Antara kegusaran yang diketengahkan mengaitkan kekeliruan penggunaan bahasa Melayu yang betul apabila acapkali terdedah dengan bahasa rojak hasil pencantuman bahasa pelbagai kaum. Rentetan dari itu, kekeliruan kaum bukan Melayu seperti bangsa Cina dan India yang semakin meruncing apabila mereka yang sememangnya tidak menguasai kemahiran berbahasa serta cetek pengetahuan merosakkan imej penggunaan bahasa Melayu yang betul apabila terdedah dengan pencemaran bahasa di media sosial (Hashim, Ayob, & Saludin, 2018). Bila mana pembudayaan bahasa rojak ini tidak dibendung maka kewujudan lebih banyak perkataan baru dalam perbualan harian menyukarkan penyuburan bahasa baku. Sementara itu bahasa slanga pula memberi indikasi kepincangan penguasaan bahasa yang meminggirkan keasliaan dan pemuliharaan bahasa ibunda yang menjadi khazanah tidak ternilai bagi sesebuah negara. Umum menyaksikan pengaruh media sosial dalam penggunaan bahasa rojak dan slanga semakin diminati dan mendapat tempat di hati generasi muda yang akhirnya meresap masuk dalam amalan pertuturan harian sehingga menghakis keaslian dan keutuhan bahasa ibunda (Othman, Yusoff, Marinsah, Mokhtar, Ramlie & Mohd Shah, 2020b). Sama ada percampuran bahasa asing, slanga mahupun ringkasan perkataan, kebiasaan berkenaan berkembang ke alam realiti kehidupan berinteraksi, serta membawa anggapan ianya adalah penggunaan bahasa yang betul dan tata bahasa bertepatan dengan maksud (Berita Harian, 2017a). Manakala bahasa Sistem Pesanan Ringkas (SMS) yang berorientasikan singkatan istilah walaupun bersifat mesra pengguna, kaedah berkenaan mengundang kebiasaan pencemaran frasa bahasa. Membalas mesej dengan pantas tanpa menghiraukan pemakaian bahasa yang betul menjadi sebatikan dalam jiwa dan dizahirkan tanpa sedar akibat terikut dengan trend semasa. Lebih meruncing apabila menyaksikan perkembangan penggunaan bahasa lucu di laman media sosial seperti penulisan di blog dan Facebook yang tidak dapat pemantauan pihak berkuasa turut menyumbang kepada berleluasa jenayah siber.

Hemah Pembudayaan Bahasa Rasmi melalui Perlaksanaan Undang-undang

Dalam konteks pemakaian Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Seksyen 2 yang menguatkuasakan bahasa kebangsaan digunakan bagi tujuan maksud-maksud rasmi tidak mengaitkan penggunaan bahasa bercampur dalam media sosial. Bagi maksud Seksyen 2, Akta 32 melindungi kedaulatan bahasa rasmi persekutuan sejauhmana melibatkan perlanggaran urusan rasmi kerajaan. Media sosial diklasifikasi sebagai program berbentuk peribadi di mana penggunaan bahasa bercampur adalah berada di luar dari mana-mana perlanggaran Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Wujud pendapat mengatakan kita tidak

boleh menuding jari mempersalahkan amalan penggunaan bahasa rojak dalam media sosial yang secara kontekstual bersifat peribadi dan dianggap sebagai medium hiburan kepada masyarakat (Shafiee, Mahamood, Manaf, Yaakob, Ramli, Mokhdzar, Jamaluddin, Bajuri & Ali, 2019). Senario berkenaan turut terpakai apabila memahami maksud Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang memberi hak kebebasan bersuara kepada rakyat Malaysia menyampaikan pandangan masing-masing. Namun begitu dalam perspektif yang berbeza, demi solidariti serta integriti nasional, kesantunan berbahasa wajar dipelihara. Harmonisasi rakyat Malaysia bagi mencapai sinergi solidariti melalui konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa” meletakkan kebertanggungjawaban pengamal media massa bagi bertindak menjaga hemah pembudayaan bahasa. Tuntasnya dalam mendepani isu dan cabaran pencemaran penggunaan bahasa bercampur, pengguna media sosial wajar bertindak matang menjaga kedaulatan bahasa ibunda dengan menerapkan amalan berbahasa yang betul demi membuktikan kecintaan kepada negara Malaysia.

Mentransformasi Bacaan Digital bagi Capaian Media Massa dan Media Sosial

Dari perspektif yang berbeza, manfaat dari penggunaan media massa dan peranti elektronik berupaya diutilasikan lebih terarah untuk memihak kepada usaha kerajaan memantapkan pembudayaan bahasa kebangsaan. Mengambil kecenderungan masyarakat era digital yang sebatian dengan penggunaan peranti elektronik, maka pendekatan optimistik boleh diambil dengan mempelopori penerbitan bahan bacaan digital. Kita harus akur bahawa informasi tanpa batasan pada hari ini menenggelamkan percetakan fizikal di mana limpahan bahan bacaan dalam talian seperti *e-book*, *e-news* dan banyak lagi sumber elektronik telah mendominasi pembaca dengan lebih pantas (Fadli & Md Sidin, 2016). Dalam konteks ini wadah bagi mendaulatkan bahasa kebangsaan diperluaskan kepada umum seiring dengan perkembangan teknologi. Evolusi bahan bacaan mengikut peredaran zaman pastinya menambat hati generasi muda untuk mendekati diri dengan nilai-nilai bacaan berorientasikan penggunaan bahasa kebangsaan, terutama apabila ianya dicapai semudah di hujung jari. Usaha kerajaan dalam mentransformasikan digital Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dilihat sebagai salah strategi memperkasa perkhidmatan digital perpustakaan serta membudayakan amalan pembaca bagi capaian seluruh rakyat Malaysia. Perkhidmatan u-Pustaka diperkenalkan pada tahun 2011 dan sehingga 31 Oktober 2020 telah mencecah bilangan keahlian seramai 515,477 orang pengguna. Kandungan digital u-Pustaka meliputi 33,426 naskah e-buku, 4964 judul e-majalah, 6,429,103 artikel surat khabar serta melebihi 560,000 bahan e-pembelajaran (Sinar Harian, 2020). Inisiatif PNM mempergiatkan lagi aktiviti projek bermatlamat untuk mendigitalkan kandungan tempatan seperti manuskrip Melayu, koleksi negara, buku nadir dan surat khabar tempatan berjaya memperlihatkan hasil yang memberangsangkan apabila sebanyak 1.7 juta halaman bahan tempatan mampu diakses melalui portal u-Pustaka dalam tempoh 2018 sehingga Disember 2019.

Buku Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa

Sementara itu gandingan usaha sama Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dengan Dewan Bahasa dan Pustaka berjaya menerbitkan Buku Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Media Massa (Mstar, 2013). Objektif utama buku manual berkenaan adalah menyediakan pelan tindakan organisasi penyiaran, persuratkhabaran dan media baharu demi memantapkan penggunaan bahasa Melayu secara seragam. Dalam kata lain ianya berperanan membimbing pengamal media penyiaran, media cetak dan pelbagai bentuk media baharu menyebarkan informasi menggunakan bahasa Melayu berdasarkan tata cara yang

bertepatan melalui sebutan, ejaan, intonasi dan diksi yang sempurna. Inisiatif kementerian berkenaan turut didukung perlaksanaannya oleh Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) yang mana ini dilihat sebagai tindakan bijak bagi memastikan semua media penyiaran serta media cetak memenuhi aspirasi pemakaian standard bahasa Melayu dalam siaran radio, televisyen, akhbar dan majalah.

Pelarasan Etika Pengamal Media Massa dan Warga Profesional

Dalam masa yang sama bagi mengelakkan pengamal media massa terleka dan culas dari menggunakan bahasa kebangsaan, maka badan berwajib berkaitan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengambil peranan terhadap saranan penggubalan undang-undang berkaitan dengan etika warga penyampai. Penubuhan akta dan undang-undang berkaitan berkenaan bermatlamat untuk menjaga martabat bahasa dari dicemari dan dipandang enteng terutama oleh kalangan profesional. Sebagai komuniti warga kerja yang mempunyai dedikasi tinggi, warga kerja yang terlibat dengan media massa merupakan barisan hadapan (*frontiers*) dan duta negara yang harus menghayati nilai bahasa kebangsaan terlebih dahulu sebelum disampaikan kepada umum. Impak iltizam setersunya melahirkan keikhlasan dalam diri untuk membudayakan bahasa kebangsaan (Othman, Yusoff, Lokin, Ationg, Abang Muis, Mohd Shah, 2020a). Mengambil iktibar dari pengalaman negara kejiranan Malaysia seperti Singapura dan Indonesia yang selangkah ke hadapan dalam memanfaatkan kecanggihan teknologi dengan membawa bersama ketinggian nilai bahasa kebangsaan melalui platform media mereka (Kamil & Mohamad, 2020). Secara perbandingan, warga kerja yang leka dalam mematuhi penggunaan bahasa kebangsaan sama ada menggunakan bahasa rojak, bahasa slanga atau bahasa asing sepenuhnya maka peruntukan undang-undang berbentuk denda dan penjara dikuatkuasakan serta merta. Komitmen dan kerjasama pelbagai pihak menggalas tanggungjawab melahirkan semangat cinta dan rasa bangga dengan bahasa kebangsaan menuntut tempoh yang panjang dan berterusan (Hashim & Halimah, 2012). Namun begitu demi melestarikan identiti bahasa kebangsaan ianya wajar dipelihara bukan sahaja sebagai bahasa pertuturan malahan melambangkan solidariti jati diri rakyat Malaysia (Iberahim, Mahamod & Mohammad, 2017).

i. Kealpaan Pemuliharaan dan Apresiasi Hasil Karya Seni dan Kesusasteraan

Seni dan sastera adalah wadah utama yang mengangkat rasa kemanusiaan menerusi cetusan rasa dalam diri yang tidak ternilai harganya. Sejarah telah membuktikan dengan mengangkat martabat para sasterawan dalam karya-karya agung seperti puisi, sajak, prosa dan lain-lain karya membuktikan tahap peradaban dan pencapaian sesuatu bangsa (Ramlah Adam, 2014). Namun begitu dalam masa yang sama, modenisasi turut membawa masyarakat semakin terpinggir dari menghayati ketamadunan karya seni dan ketinggian kesusasteraan negara. Kurang pendedahan dan kelekaan generasi muda dari mengetahui tentang kewujudan karya seni dan apresiasi sastera tumpah tanah air sendiri menjadi suatu trend yang membimbangkan bukan sahaja di Malaysia, malahan hampir di setiap negara.

Pandangan Skeptikal Karya Seni dan Sastera sebagai Nilai Warisan Negara

Segelintir rakyat tidak mahu mengiktiraf industri karya sastera atas dasar keangkuhan merasakan ilmu dari nukilan rasa ahli seni tidak mempunyai pemberat dalam kehidupan moden masa kini. Malahan keegoaan tersebut membawa kepada pandangan skeptikal terhadap karya seni dengan mempertikaikannya sebagai nilai warisan khazanah negara (Hashim & Rozita, 2014). Tidak kurang juga beranggapan Tokoh Sasterawan Negara

hanyalah sekadar sebuah pertandingan yang mengiktirafkan hasil karya komuniti seni, tanpa masyarakat benar-benar memahami erti sebenar konsep sasterawan mahupun karya-karya seni mereka. Menurut Mahathir Haroun (2015), sasterawan merupakan insan terpilih dengan kurniaan bakat semulajadi bagi menghasilkan karya sastera, berlandaskan kemahiran penulisan dengan mendukung keaslian bahasa ibunda. Oleh itu, penghasilan karya sastera yang mencecah ratusan naskah sepanjang perjalanan kerjaya sebagai seorang karyawan dan dengan tidak mengenal batas merungkai idea yang diterjemahkan melalui minda kritis, wajar diberi pengiktirafan. Justeru itu masyarakat tidak seharusnya mempertikaikan kewibawaan tokoh sasterawan mahupun golongan karyawan hanya dengan menggunakan alasan keberadaan mereka di persada seni tanah air sebagai sesuatu yang tidak relevan (A. Aziz, 2010). Pepatah Melayu “Tak Kenal Maka Tak Cinta” mendasari usaha negara untuk menarik minat terutamanya generasi muda berjinak-jinak memupuk apresiasi hasil karya seni dan kesusasteraan, agar bidang sastera negara tidak tenggelam dek kepantasan teknologi yang mengaburi minda masyarakat tentang nilai kebudayaan bahasa.

Capaian Karya Seni dan Sastera Gagal Menembusi Sasaran Luas

Fenomena kealpaan pemuliharaan dan apresiasi hasil karya seni dan kesusasteraan khazanah negara disumbang oleh pelbagai faktor, terutama apabila zaman berevolusi seiring dengan kecanggihan teknologi informasi tanpa batasan. Antara faktor mendominasi penyisihan hasil karya seni dan kesusasteraan dari menarik perhatian masyarakat adalah berpunca dari capaian kepada karya sastera tersebut yang tidak menggunakan teknik pemasaran bertepatan gagal menembusi sasaran pembaca dengan lebih meluas (Awang, 2006). Kekangan promosi terhadap karya yang berbentuk seni dan sastera diburukkan dengan penerbitan cetakan fizikal yang semestinya dijual dengan harga tinggi berbanding sekiranya dipasarkan secara dalam talian. Keenganan syarikat penerbitan untuk melaburkan wang ke atas pengeluaran karya yang tidak menjamin pulangan balik juga dilihat sebagai faktor penyumbang kepada merundumnya hasil karya seni dan kesusasteraan saban tahun. Malaysia antara negara di rantau Asia Tenggara yang mempunyai barisan tokoh sasterawan ulung dan tersohor (Awang, 2006). Namun generasi muda tidak mengenali karya-karya mereka disebabkan spekulasi yang membawa stigma negatif serta tiada pendedahan untuk memahami dan menghayati karya yang tidak ternilai sepanjang zaman. Malaysia boleh mengambil iktibar dengan mencontohi negara-negara maju yang mengasimilasikan kebudayaan seni dan kesusasteraan mengikut selera serta minat generasi muda dengan mempromosikan secara kreatif karya-karya dari tokoh sasterawan menggunakan medium sosial media termasuk Facebook, Instagram, TikTok dan Twitter.

Pengiktirafan Harta Intelekt melalui Penguatkuasaan Akta Hak Cipta 1987

Dalam usaha pemuliharaan karya sastera negara, penggubalan Akta Hak Cipta 1987 diperkenalkan bagi melindungi hak cipta kalangan sasterawan dari penciplakan pihak tidak bertanggungjawab melalui aktiviti memuat naik ke laman sosial secara haram (Berita Harian, 2017b). Norma hari ini menyaksikan pengeneapan hak cipta berleluasa dalam media sosial dan media massa tanpa meletakkan pengiktirafan harta intelek kepada empunya karya. Apabila senario berikut berlaku tanpa kawalan penguatkuasaan perundangan maka anasir-anasir yang mencemarkan keaslian karya sasterawan turut menyumbang kepada kebudayaan bahasa yang tidak sihat terutamanya dalam kalangan generasi muda. Memperlekehkan karya sastera dan seni sama ada dalam bentuk muzik, filem, bunyi, siaran mahupun karya terbitan meletakkan pelaku berhadapan dengan hukuman undang-undang.

Perlindungan hak cipta di atas jerih penat penulis karya sewajarnya didahului dengan proses pendaftaran hak milik bagi mendapatkan kesahan keaslian karya yang terdedah dengan aktiviti plagiat dari pelbagai pihak yang tidak bertanggungjawab. Dengan memuatnaik karya seni dalam medium massa mahupun media sosial tanpa kebenaran pemilik yang sebenar pastinya diklasifikasikan sebagai pelanggaran undang-undang. Walaupun karya berada dalam medium yang betul seperti media massa dan media sosial, namun tidak menghairankan sekiranya sasterawan negara masih tidak dikenali umum apabila kredit diberikan sewenang-wenangnya kepada pihak yang memuat naik karya tersebut (Awang, 2006).

Mendukung Ketinggian Bahasa dalam Penghayatan Pembelajaran Sastera

Amalan mendukung ketinggian bahasa kebangsaan seharusnya disemai seawal usia muda semasa berada di peringkat persekolahan rendah, bila mana minat pelajar boleh dipupuk dengan mudah tanpa dicemari pengaruh dari unsur-unsur negatif. Penghayatan sastera mampu dicerap melalui pembelajaran mata pelajaran Bahasa Malaysia dengan disulami pengetahuan mata pelajaran Sejarah bagi mendekatkan lagi pemahaman berhubung konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa” dalam konteks refleksi identiti kebangsaan (Siti Nor Azhani, Adlina & Ku Hasnita, 2017). Kesepunyaan satu bahasa milik semua rakyat melambangkan solidariti masyarakat majmuk Malaysia demi mencapai harmonisasi negara. Secara rasionalnya apabila golongan pelajar sekolah rendah diberi pendedahan pembelajaran bahasa Melayu yang dibawa berterusan ke peringkat sekolah menengah sehinggalah ke fasa pendidikan tinggi universiti, maka penghayatan pembelajaran sastera membuahkan rasa cinta terhadap bahasa ibunda (Othman, Esa, Ationg, Ibrahim, Lukin & Abdul Hamid, 2021g). Kesenambungan dari celik minda dalam kalangan generasi muda terhadap karya seni dan sastera lantas akhirnya berupaya untuk meletakkan kedudukan sasterawan negara sebaris dengan tokoh tersohor negara yang lain.

Seperkara lagi yang menyumbang kepada kurangnya minat dalam kalangan pelajar Melayu terhadap mata pelajaran Bahasa Malaysia berpunca dari sikap terlalu mengambil kesempatan berada dalam zon selesa serta berpandangan bahawa tiada keperluan mendesak untuk mempelajari bahasa yang dirasakan sudah sebatik dalam diri apabila dilahirkan sebagai bangsa Melayu. Ini membawa jauh dalam diri diikat dengan persepsi Bahasa Malaysia merupakan bahasa mudah lalu menghilangkan fokus untuk mendalami ilmu berkenaan secara bersungguh. Mentaliti sedemikian menambah kesukaran bagi pelajar berbangsa Melayu mengambil manfaat di atas kelebihan mereka yang dilengkapi dengan latar belakang penguasaan bahasa bertahun lama. Tambahan pula apabila kecenderungan kepada mata pelajaran lain seperti Sains dan Matematik yang berbentuk penerokaan dirasakan lebih menyeronokkan kerana memberikan mereka pengalaman baru (Othman *et al.*, 2021g). Fenomena menganaktirikan bahasa ibunda sebagai bahasa ilmu sekiranya berterusan bakal memberi impak kepada kepupusan karya seni dan sastera yang menjadi warisan pertiwi. Justeru itu inisiatif sektor pendidikan memasukkan elemen komsas dalam silibus bahasa Melayu merupakan tindakan bijak (Nor Hashimah, Junaini & Zaharani, 2010). Penambahan tersebut berjaya membuka minda pelajar untuk menghayati hasil karya seni dan sastera yang penuh dengan ketinggian bahasa, keunikan bahasa klasik dan keindahan bahasa puitis.

Pengembangan Bahasa Kebangsaan sebagai Medium Bahasa Rasmi IPT

Usaha mengembangkan kedudukan bahasa kebangsaan di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dilihat sebagai suatu kesinambungan dari himpunan inisiatif sektor pendidikan untuk terus memperkasa bahasa Melayu dengan mencakupi sasaran pelajar universiti (Othman *et al.*, 2020a). Dari perspektif governan universiti, tanggungjawab yang lebih besar digalas pihak pengurusan menara gading bagi memastikan ahli akademik dan mahasiswa mencapai permuafakatan dalam memartabatkan Bahasa Malaysia menjadi medium bahasa rasmi pengajaran dan pembelajaran (Noor Azmira & Nor Azlili, 2019). Komitmen dua hala antara pendidik dan pelajar dianggap vital apabila penerapan nilai-nilai murni bukan sahaja berada dalam konteks semasa perkuliahan malahan diperluaskan amalan mendukung ketinggian bahasa kebangsaan tersebut bagi aktiviti ko-kurikulum dalam dan luar kampus. Anjuran program-program mahasiswa yang membawa aspirasi mendaulatkan bahasa ibunda seperti pertandingan debat, pertandingan inovasi reka cipta slogan dan poster, forum penulisan, bengkel teater, deklamasi puisi dan sajak, pertandingan pantun dan gurindam lagu sememangnya mampu memupuk kecintaan “Bahasa Jiwa Bangsa”. Refleksi identiti kebangsaan dibuktikan apabila mahasiswa merasa bangga berinteraksi dalam bahasa Melayu yang betul dan mendukung ketinggian bahasa kebangsaan dalam setiap aspek kehidupan mereka (Othman *et al.*, 2020b).

i. Peranan vital Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam menyemarakkan pembudayaan konotasi “Bangsa Jiwa Bangsa”

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan sebuah badan kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk mengkoordinasikan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa kesusteraan Melayu di Malaysia (Jeniri, 2009). Berpegang dengan moto “Bahasa Jiwa Bangsa” atau “*Language is the Soul of the Nation*”, DBP berdiri atas wawasan menggerak dan memartabatkan bahasa Melayu untuk diangkat sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu (Jeniri, 2009). Menjadi cabaran besar bagi DBP apabila dewasa ini penggunaan ‘bahasa rojak’ atau ‘bahasa pasar’ dalam tutur harian semakin menjadi kebiasaan sebilangan besar rakyat Malaysia. Bukan sahaja bahasa kita dicemari dengan pemakaian slanga tetapi juga dicampuradukkan dengan perkataan-perkataan yang dipinjam dari negara kejiranan seperti Indonesia dan Thailand, malahan disulami dengan penggunaan Bahasa Inggeris yang tidak tepat. Manakala pertuturan dengan percampuran omokan beberapa dialek serta loghat dari negeri-negeri tertentu di Malaysia, mahupun improvisasi bahasa contohnya dari kaum Cina dan India seolah-olah menjadi satu ikutan yang dibanggakan. Implikasi dari kepenggunaan bahasa rojak yang tidak dipantau mengakibatkan rakyat Malaysia terutama generasi muda gagal untuk membezakan bahasa baku dengan bahasa rojak. Keterujaan untuk menerapkan konsep 1-Malaysia disalahertikan oleh segelintir pihak sehinggakan ianya membawa kepada pencemaran bahasa dan diletakkan alasan atas nama pertuturan sedemikian adalah lebih bersesuaian dan mengikut peredaran zaman.

Kealpaan masyarakat dalam apresiasi hasil karya sastera bukan lagi suatu perkara yang mengejutkan terutamanya apabila generasi muda tidak lagi memahami, apatah lagi merasa berminat dan selesa untuk disogokkan dengan bacaan yang mempunyai kandungan puitis (Tengku Intan Marlina & Madiawati, 2017). Kesukaran penghayatan membaca buku bergenre sastera terserlah dalam tahap penulisan dan pertuturan mereka. Kecenderungan untuk mengagungkan bahasa asing, ditambah dengan sifat sentiasa memperlekehkan bahasa ibunda adalah amalan generasi kini yang meruntun hati. Peranan yang dimainkan oleh ibu

bapa sebagai nadi penggerak dalam sesebuah sistem sokongan institusi kekeluargaan turut menjadi penanda aras kemampuan penguasaan bahasa Melayu anak-anak mereka. Ibu bapa seakan taksub memastikan anak-anak mereka menguasai Bahasa Inggeris dari awal usia lagi sehingga menyebabkan penguasaan bahasa asing mendominasi keupayaan kanak-kanak. Komitmen dan tanggungjawab ibu bapa sewajarnya selaras antara bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, di mana keprihatinan mereka untuk meletakkan kedudukan bahasa ibunda dalam konteks refleksi identiti kebangsaan berupaya memberi perbezaan kepada kelestarian pembudayaan bahasa ibunda (Chow & Zahari, 2008). Sikap berlebih-lebihan merendahkan hasil karya sastera tanah air ternyata disumbang oleh cetek pengetahuan nilai-nilai murni dalam memperjuangkan solidariti negara melalui bahasa kebangsaan kita.

Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 dan Pemerkasaan Bahasa kebangsaan

Dewan Bahasa dan Pustaka bersandarkan iltizam “Bahasa Jiwa Bangsa” (*Language is the Soul of the Nation*) bertekad melindungi kelangsungan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu sebagaimana termaktub dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 (Rozita & Hashim, 2014). Walaupun Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 tidak secara khusus memaktubkan bahasa kebangsaan, namun menurut Perlembagaan Persekutuan bahasa Melayu difahami sebagai bahasa kebangsaan yang dimaksudkan tanpa sebarang pertikaian. Manakala Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 merujuk tanggungjawab dan bidang kuasa perundangan DBP dalam memastikan bahasa rasmi persekutuan tidak pupus ditelan zaman terutamanya kesan dari kealpaan rakyat Malaysia mendukung ketinggian bahasa ibunda. Pemerkasaan bahasa kebangsaan dalam Seksyen 3 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 membawa maksud kelonggaran diberikan untuk pemakaian selain dari bahasa kebangsaan dengan syarat ianya dilakukan bagi tujuan kepentingan awam, selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Ini berkaitan dengan Seksyen 4 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang membenarkan Bahasa Inggeris diguna bagi tujuan rasmi negara apabila timbul situasi bersesuaian yang memerlukan pemakaian bahasa berkenaan (Ahmad Kamal Arifin & Sharifah Darmia, 2008).

Dari perspektif tersebut, undang-undang negara kita memperlihatkan pendekatan bertimbangrasi serta bersifat fleksibel sekiranya terdapat keperluan Bahasa Inggeris dipakai demi maslahat umum. Status Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun pastinya mendahulukan pembangunan ekonomi, sosial dan politik, justeru sentiasa bersiapsiaga dalam mengakomodasikan dengan iklim globalisasi untuk bersaing di arena yang lebih mencabar. Sekiranya dengan cara mengutilasikan bahasa asing berupaya memberi kelebihan kepada negara, maka bersifat tidak jumud demi bersaing menggunakan Bahasa Inggeris dilihat sebagai tindakan rasional Malaysia. Signifikasi Seksyen 5 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dalam memberi ruang kepada penggunaan bahasa asing telah mendapat perhatian umum apabila terdapat insiden ahli parlimen yang gagal menguasai bahasa Melayu memohon kelonggaran untuk menggunakan Bahasa Inggeris dalam dewan persidangan (Ahmad Kamal Arifin & Sharifah Darmia, 2008). Teguran dari Menteri Kebudayaan, Kesenian, Warisan, Pendidikan dan Pelancongan berhubung ketidakupayaan ahli parlimen menguasai bahasa ibunda membuktikan kerajaan memandang serius berhubung tahap penguasaan mereka yang bergelar wakil kepada rakyat namun tidak mampu menyuarakan pandangan rakyat melalui bahasa rakyat. Menurut Tun Syed N. (1996) konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa” hanya tinggal sebagai frasa sahaja sekiranya pucuk pimpinan negara tidak berjaya berinteraksi dan berkomunikasi menggunakan bahasa kebangsaan yang diiktiraf sebagai bahasa rasmi

persekutuan. Lantas sinergi ke arah solidariti harmonisasi rakyat Malaysia melalui kedaulatan bahasa kebangsaan tidak berupaya memenuhi maksud sebenar.

Perancangan Strategi Memperkaya Bahasa Melayu dalam Pelbagai Bidang

Usaha merancang secara strategik dalam menggerak, memperluaskan dan memperkasa bahasa Melayu meliputi pelbagai aspek ilmu terutamanya bidang Sains dan Teknologi (Abd Rahim, Noor Asliza & Normaliza, 2015). Penumpuan mula diberikan dengan mengenal pasti pemakaian perkataan Bahasa Malaysia dalam bidang kesihatan dan perubatan yang selama ini sinonim dengan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa standard. Usaha ke arah improvisasi perkataan Bahasa Inggeris bertujuan mencetuskan pengembangan makna dan berperanan mempromosi penggunaan Bahasa Malaysia yang betul kepada umum. Dalam konteks tersebut, inisiatif secara proaktif dan berterusan dari pelbagai pihak terutamanya DBP dalam merancang serta merevolusikan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul dari akar umbi menjadi agenda penting negara. Usaha gigih DBP mempromosi pemakaian bahasa kebangsaan dalam konteks yang betul bukanlah satu tugas yang mudah. Penggunaan bahasa yang salah datangnya dari pelbagai aspek seperti pertuturan komunikasi harian dan interaksi informal, penulisan dalam bentuk penerbitan rasmi dan informal serta penyebaran maklumat menggunakan bahasa yang salah dalam surat khabar dan pengiklanan.

Bagi mencapai matlamat tersebut, DBP menggalas tanggungjawab bagi memastikan ketepatan ejaan, sebutan dan istilah yang bersesuaian dalam konteks keselarasan bahasa tempatan. Hasrat berkenaan dicapai dengan ketetapan berhubung Bahasa Malaysia diangkat menjadi bahasa pengantar wajib dalam sistem pendidikan sekolah rendah dan menengah, manakala pengoperasian terminologi di peringkat pendidikan tinggi negara haruslah mendapat kebenaran dan pengesahan dari pihak DBP. Rentetan dari perubahan tersebut membawa kepada pengembangan korpus bahasa Melayu dalam pelbagai bidang termasuklah Sains Asas dan Sains Gunaan (Siti Nor Azhani, Adlina & Ku Hasnita, 2017). Kesenambungan kerjasama yang kukuh antara pihak DBP dengan institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta membuktikan kesungguhan iltizam kerajaan dalam mencapai sinergi harmonisasi rakyat melalui pembudayaan bahasa. Selain dari itu, DBP turut bertanggungjawab menganjurkan program yang meletakkan sasaran bagi memberi pendidikan umum ke atas pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu. Bagi tujuan berkenaan, maka aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh DBP dilihat terarah kepada elemen-elemen yang melibatkan pembinaan, pengemaskinian, pengukuhan, pemantauan, penyampaian dan penyebaran dan seiring dengan dasar bahasa kebangsaan. Namun dalam masa yang sama, cabaran DBP adalah memastikan pemakaian bahasa Melayu yang digunakan berdasarkan pendekatan dan kaedah menarik seiring dengan perkembangan teknologi telekomunikasi maklumat.

Menanam Semangat Patriotisme dan Nilai Murni dalam Pembudayaan Bahasa

Keprihatinan negara memelihara hak cipta khazanah dan warisan negara melalui perlindungan undang-undang ke atas hasil karya seni dan sastera adalah terkandung secara nyata dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Rakyat Malaysia pada hari ini mula peka mengenai nilai karyawan seni dan sastera apabila langkah penguatkuasaan undang-undang terhadap penunggang bahasa dan penciplak hak milik diambil tindakan tegas dan diuar-uarkan kepada umum. Tidak berhenti di situ sahaja, usaha melestarikan Bahasa Malaysia menerusi hasil karyawan seni tanah air memperlihatkan perkembangan membanggakan

apabila penghasilan filem bermutu menggunakan bahasa tempatan mendapat sambutan ramai. Sementara itu galakan kepada penggiat seni tanah air dalam membangunkan seni teater dan persembahan muzikal menarik penyertaan anak muda beralih arah mencuba cabang seni yang berbeza (Hashim, 2005). Begitu juga dengan insentif yang dihulurkan kepada penggiat seni tradisional seperti persembahan wayang kulit secara tidak langsung menghidupkan warisan tradisi masyarakat tempatan yang semakin dilupakan (Hashim, 2005). Semangat patriotisme sentiasa ditanam dalam penceritaan yang dipersembahkan oleh penggiat seni lantas menggarap pemikiran generasi muda tentang nilai-nilai murni kenegaraan dengan menggunakan wadah bahasa sebagai ilmu.

Sebagai menyahtu cabaran teknologi massa, industri penerbitan buku dan karya penulisan lain berevolusi dengan penghasilan e-buku, e-bengkel, e-forum dan sebagainya yang semakin mendapat di hati masyarakat terutama generasi muda. Bahkan usaha penggiat industri seni tanah air yang berjaya membawa filem-filem tempatan di persada antarabangsa diberi pujian (Berita Harian, 2021). Masyarakat dunia mengenali bahasa Melayu menerusi pembuatan filem bermutu tinggi yang juga pastinya memartabatkan bahasa kebangsaan negara kita. Pengukuhan bahasa Melayu melalui program bertaraf antarabangsa adalah usaha yang membanggakan. Contohnya pertandingan pidato mahupun berpantun peringkat antarabangsa yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian, Warisan, Pendidikan dan Pelancongan dalam usaha Radio Televisyen Malaysia (RTM) saban tahun mendapat sambutan peserta dari luar negara (MyMetro, 2018). Ini membuktikan keindahan bahasa Melayu mendapat tempat di mata dunia dan harus menjadi anjakan paradigma rakyat Malaysia dengan ketinggian bahasa ibunda sendiri.

Penutup Bicara

Keseluruhan perbincangan dalam makalah ini mengaitkan usaha pembudayaan konotasi “Bahasa Jiwa Bangsa” sebagai elemen refleksi identiti diri dan solidariti rakyat Malaysia melalui satu bahasa kebangsaan yang akhirnya dapat mencapai sinergi harmonisasi masyarakat berbilang bangsa. Latar belakang perbincangan dimulakan dengan menyingkap ketamadunan dunia dalam membuktikan bahasa merupakan warisan khazanah tidak ternilai bagi mewujudkan perpaduan nasional. Rentetan sejarah tanah air menyaksikan bahasa Melayu menjadi *lingua franca* Asia Tenggara dalam menyumbang kemajuan ekonomi Tanah Melayu. Pembentukan Persekutuan Malaysia melalui penyatuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak turut tidak dinafikan terhasil dari mekanisme bahasa yang menjadi alat perpaduan masyarakat majmuk. Dalam konteks ini, ketinggian nilai bahasa harus dipupuk dalam diri setiap rakyat menjadi identiti kebangsaan sepanjang zaman dan dimartabatkan sebagai simbol kebanggaan warga negara Malaysia. Statistik dunia menganggarkan 300 juta penduduk dunia bertutur dalam bahasa Melayu dan kenyataan tersebut mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa ke lima utama dunia. Dari perspektif tersebut, usaha kerajaan dalam memperkasa bahasa Melayu bertujuan meletakkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa dominan rakyat Malaysia, namun dalam masa yang sama tidak meminggirkan keutamaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa.

Penghujahan yang diketengahkan dalam makalah ini justeru bermatlamat menjejajahi pengalaman Malaysia sebagai sebuah negara masyhur dengan keunikan rencam bangsa. Dalam masa yang sama kita terpaksa mendepani pelbagai cabaran demi memartabat bahasa ibunda. Seleksi isu-isu signifikan yang dibahas dan diadun menjustifikasikan merangkumi

hujahan pertama iaitu sikap, kesedaran, komitmen dan tanggungjawab masyarakat ke arah permuafakatan pemeraksanaan bahasa kebangsaan. Krisis masyarakat bersikap individualistik serta tidak meletakkan komitmen yang sewajarnya menjadi isu yang sentiasa mendapat perhatian dan cuba ditangani oleh kerajaan. Keikhlasan dalam memupuk pembudayaan bahasa menjadi agenda utama negara di mana kekuatan bahasa memperlihatkan kekuatan bangsa. Bahasa kebangsaan disandarkan sebagai tonggak peradaban bangsa justeru sistem sokongan yang mantap harus datanginya dari akar umbi institusi kekeluargaan yang melibatkan pendedahan pendidikan apresiasi bahasa ibunda. Kesedaran dari rumah hasil bimbingan ibu bapa memudahkan proses pengukuhan bahasa kebangsaan di peringkat sekolah. Negara tidak pernah mengabaikan kepentingan Bahasa Inggeris dalam memperoleh persaingan globalisasi. Namun mendahulukan penguasaan Bahasa Malaysia mampu melahirkan generasi yang mempunyai dwi-kemahiran bahasa dan pastinya memberi manfaat di masa hadapan. Sikap masyarakat yang tidak mengendahkan ketinggian bahasa kebangsaan mampu memberi implikasi ke atas kepupusan warisan pertiwi yang merupakan khazanah tidak ternilai sesuatu bangsa. Dengan memperlekehkan kelestarian pembudayaan bahasa maka akan tidak lagi bermakna konotasi “Bangsa Jiwa Bangsa” (*“Language is the Soul of the Nation”*) yang diperjuangkan semenjak berzaman lamanya.

Hujahan isu kedua pula mengetengahkan fenomena media sosial dan pengaruh media massa yang menjadi cabaran kelestarian bahasa kebangsaan. Mendepani cabaran era teknologi menyukarkan lagi pemeraksanaan bahasa kebangsaan sebagai vektor budaya alaf modenisasi. Tidak dinafikan bahawa proses pembudayaan bahasa terkesan dengan perubahan zaman yang cenderung menggunakan alat komunikasi canggih. Fenomena media sosial pula hampir menenggelamkan bahan bacaan berbentuk fizikal untuk sampai kepada umum. Namun begitu pendekatan pragmatik diambil dengan memanfaatkan kemajuan teknologi lantas bertukar menjadi sesuatu yang positif untuk kita bangkit maju sama-sama. Pengenalan kepada Perpustakaan Digital Negara merupakan inisiatif kerajaan berevolusi bagi menjadikan media massa dan media sosial sebagai medium memperluaskan jaringan capaian bahan bacaan kepada seluruh rakyat Malaysia. Usaha kerajaan dalam mentransformasikan digital Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan strategi serampang dua mata. Selain dari memperkasa perkhidmatan digital perpustakaan seiring dengan teknologi tanpa batasan, negara turut berhasrat membudayakan amalan pembaca dalam kalangan generasi muda dengan menawarkan bahan bacaan bahasa Melayu yang diubahsuai mengikut cita rasa pembaca.

Hujahan isu ketiga berhubung kealpaan pemuliharaan penghasilan karya seni dan kesusasteraan negara cuba mendekati masalah akar umbi demi mengekalkan kesusasteraan bahasa Melayu warisan nenek moyang kita zaman berzaman. Penghayatan ketinggian, keindahan dan keunikan bahasa Melayu harus diterap ke dalam diri semua lapisan masyarakat bagi memartabatkan semula keunggulannya di mata dunia. Dalam usaha pemuliharaan karya sastera negara, penggubalan Akta Hak Cipta 1987 turut diperkenalkan bagi melindungi hak cipta kalangan sasterawan dari penciplakan pihak tidak bertanggungjawab melalui aktiviti memuat naik ke laman sosial secara haram. Pelbagai inisiatif dilakukan oleh kerajaan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa bagi membuka minda kita agar peka dan belajar memahami hasil karya kesusasteraan dengan harapan dapat menyuntik semangat patriotisme dalam jiwa rakyat Malaysia. Karya seni dan kesusasteraan merupakan warisan khazanah negara yang wajib dipelihara bagi memastikan

kehidupan kita di masa kini menjadi rujukan generasi masa hadapan. Pembudayaan bahasa adalah sandaran ilmu ketamadunan sesebuah bangsa dan dijulung sepanjang zaman agar tidak lapuk dan pupus di telan masa.

Hujahan isu keempat meneliti peranan vital Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam menyemarakkan pembudayaan konotasi “Bangsa Jiwa Bangsa”. Keikhlasan terhadap pembudayaan bahasa dalam kalangan masyarakat adalah melalui konsep pemupukan bahasa yang dilancarkan melalui Kempen Cintai Bahasa Kebangsaan. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan mempunyai kesahan apabila ianya diangkat sebagai medium bahasa rasmi pendidikan Malaysia. Dalam konteks pendidikan formal, semangat cintakan bahasa kebangsaan berupaya dipupuk melalui pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu yang mampu mengukuhkan penguasaan terhadap bahasa kebangsaan. Langkah penstrukturan semula sekolah jenis kebangsaan dengan mengimplementasikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bertujuan merapatkan jurang pemisah antara kaum bukan Melayu terhadap bahasa Melayu. Intervensi Dasar 2002 yang mewajibkan penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengajaran Matematik dan Sains di sekolah menjadi isu kontroversi yang mempertikaikan kedaulatan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Bahasa Malaysia menjadi medium bahasa rasmi pengajaran dan pembelajaran di semua institusi pengajian tinggi Malaysia merupakan langkah bijak kerajaan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan dianggap vital kerana penguasaan dan kemahiran bahasa kebangsaan generasi muda memberi impak besar ke atas pembinaan bangsa dan negara Malaysia.

Begitu juga penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi urusan kerajaan merujuk kepada kepatuhan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang didukung mandat Dewan Bahasa dan Pustaka bagi melindungi kelangsungan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu sebagaimana seperti mana termaktub dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959. Implementasi Bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi diterapkan di semua bidang, dari jabatan kerajaan hingga jawatankuasa keselamatan luar bandar menjadi tauladan umum. Peribahasa Melayu “Tak Kenal Maka Tak Cinta” disahut oleh kedutaan Malaysia di luar negara yang gigih mendaulatkan bahasa kebangsaan dengan mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia dalam upacara dan acara rasmi kedutaan. Ini memberi iltizam menanamkan semangat “Bahasa Jiwa Bangsa” agar kita menjadi bangsa yang bukan sahaja mampu menguasai bahasa asing, tetapi tidak menafikan kemampuan bahasa Melayu dimartabatkan di mata dunia. Akhir kalam, hala tuju penulisan dalam kajian seumpama ini wajar memfokuskan intipati perdebatan lanjut bagi mendukung bahasa ibunda sebagai warisan khazanah yang tidak meletakkan kita seperti kacang yang melupakan kulitnya, seolah-olah lupa pada hakikat bahawa bahasa yang membentuk pemikiran dan diri kita. Bak umpama pepatah, *yang kurik itu kendi, yang merah itu hikayat, yang baik itu budi dan yang indah itu bahasa.*

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE) dan Erudites Group (EGP) (Kod Geran: TLS2105, TLS2109, TLS2111, TLS2110, TLS2010, TLS2105, TLS2007, TLS2006, TLS2004 & TLS2011).

Rujukan

- Abdul Hamid, J., Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Sharif Adam, S. D., Mohd Tamring, B. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2021). Penerapan Patriotisme Dalam Kalangan Guru-Guru Sejarah Sekolah Menengah Di Sabah, *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 42-56.
- Abd Rahim, Noor Asliza & Normaliza Abd Rahim. (2015). Strategi Komunikasi Lisan Secara Formal Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan” dalam *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134: 382-388.
- Ahmad Kamal Arifin Mohd Rus & Sharifah Darmia Sharif Adam (2008). Akta Bahasa Kebangsaan 1967: Isu, Reaksi Dan Cabaran. Sejarah. *Journal of the Department of History*, 16(16):123-148.
- Awang Sariyan (2006). *Warna dan Suasana: Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman (2010). *Wacana Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berita Harian. (2021). Karya filem tempatan tembusi pasaran global. Diakses pada 02 Julai 2021, dari <https://origin.bharian.com.my/hiburan/selebri/2021/07/837849/karya-filem-tempatan-tembusi-pasaran-global>.
- Berita Harian. (2019). Sembilan peserta akhir PABM 2019 berentap malam ini. Diakses pada 02 Julai 2021, dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09/611828/sembilan-peserta-akhir-pabm-2019-berentap-malam-ini>.
- Berita Harian. (2017a). Bahasa rojak media sosial cabar bahasa Melayu. Diakses pada 02 Julai 2021, dari <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/10/332837/bahasa-rojak-media-sosial-cabar-bahasa-melayu>.
- Berita Harian. (2017b). Lanun digital 'jerut' penerbit, penulis. Diakses pada 04 Julai 2021, dari <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/01/234635/lanun-digital-jerut-penerbit-penulis>.
- Berita Harian. (2015). Kepentingan berbahasa kebangsaan. Diakses pada 04 Julai 2021, dari <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/11/100317/kepentingan-berbahasa>.
- Berita Harian. (2014). Sikap masyarakat kurang kuasai bahasa Melayu masih dipersoal. Diakses pada 04 Julai 2021, dari <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2014/11/15979/sikap-masyarakat-kurang-kuasai-bahasa-melayu-masih-dipersoal>.
- Chow Fong Peng & Zahari Ishak. (2008). Tahap Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam kalangan Mahasiswa/I IPTA dan IPTS dalam Sistem Pendidikan Negara. *Jurnal Pengajian Melayu*. 19. 16-36.
- Dayu Sansalu, Mohd Sohaimi Esa, Yusten Karulus & Budi Anto Mohd. Tamring. (2015). *Eksplorasi Hubungan Etnik*. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Esa, M. S., Ationg, R., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Ramlie, H. A., & Abang Muis, A. M. R. (2021). Evolusi Kursus Teras Universiti: Dari Sejarah Pembentukan Bangsa Malaysia Ke Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (39): 166-181.
- Fadli Abdullah & Md Sidin Ahmad Ishah. (2016). Kesan Perkembangan Teknologi terhadap Industri Penerbitan Buku di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 15 (2): 71–86.

- Hashim Musa. (2005). *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hashim Musa & Halimah Pondo. (2012). *Isu Sociolinguistik di Malaysia*. Serdang: Penerbit UPM.
- Hashim, F., Ayob, A., & Saludin, M. R. (2018). Pengaruh Media Sosial Terhadap Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu Murid Tahun Lima. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7): 53-76.
- Hashim Musa & Rozita Che Rodi (2014). Peranan Bahasa Melayu dan Legasi Sejarah Penubuhan Malaysia dalam Penyediaan Cinta akan Negara Bangsa Malaysia. *Pertanika Mahawangsa*, 1(1): 19-42.
- Hassan, H. I. M., Angterian, S. M., & Yusop, M. S. (2017). Kegemilangan Bahasa Melayu sebagai Lingua Franca. *Jurnal Kesidang*, 2(1): 18-30.
- Ibrahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohammad, W. M. R. W. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2): 77-88.
- Jeniri Amir (2009). *Bahasa, Negara dan Bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamil, I. M. M., & Mohamad, M. (2020). Cabaran Pemeriksaan Bahasa Melayu Dalam Usaha Mencapai Negara Bangsa Di Malaysia. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2): 181-191.
- Lukmanulhakim, N. N. (2020). Kaedah Pembentukan Identiti Nasional dalam Universiti Awam di Malaysia. *Jurnal Peradaban Melayu*, 15: 1-9.
- Md Idris, M. R. (2013). Memartabatkan Bahasa Melayu Melalui Pendidikan Dan Mendepani Cabaran Globalisasi. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 4(12): 207-220.
- Mohd Sohaimi Esa & Romzi Ationg. (2020). Majlis Gerakan Negara (MAGERAN): Usaha Memulihkan Keamanan Negara Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5 (12): 170-178.
- Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu & Budi Anto Mohd Tamring. (2011). *Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa*. Puchong: Penerbit Multimedia.
- MStar. (2013). Buku Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu Untuk Media Dilancar. Diakses pada 02 Julai 2021, dari <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/01/21/buku-garis-panduan-penggunaan-bahasa-melayu-untuk-media-dilancar>.
- My Metro. (2018). Xu Yang juara Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu. Diakses pada 04 Julai 2021, dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/12/401907/xu-yang-juara-pidato-antarabangsa-bahasa-melayu>.
- Nazri Muslim & Abdul Latif Samian (2012). Tahap Penerimaan Pelajar terhadap Peruntukan Bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 30(1): 3-27.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad (2010). Sosiokognitif Pelajar Remaja Terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 10(3), 67-87.
- Noor Azmira Mohamed & Nor Azlili Hassan. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(4): 19-28.
- Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Abang Muis, A. M. R.

- (2021a). Signifikasi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (Worldview): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 85-103.
- Othman, I. W., Ibrahim, M. A., Esa, M. S., Ationg, R., Mokhtar, S., Mohd Tamring, B. A., & Sharif Adam, S. D. (2021b). Literasi Undang-Undang Sinonim Kemandirian Jati Diri Mahasiswa dalam Lanskap Politik Kampus: Pemacu Generasi Muda Berjiwa Besar dan Tinggi Karisma Kepimpinan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 215-242.
- Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Esa, M. S., Ationg, R., Ramlie, H., & Abdul Rahman, M. H. (2021c). Elemen Transformatif dan Akulturasi Diri dari Pengalaman Tahun Pertama Pengajian di Universiti Awam Malaysia Sebagai Wasilah Prestasi Pencapaian Akademik Pelajar Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 29-55.
- Othman, I. W., Ibrahim, M. A., Esa, M. S., Ationg, R., Mokhtar, S., Mohd Tamring, B. A., & Sharif Adam, S. D. (2021d). Literasi Undang-Undang Sinonim Kemandirian Jati Diri Mahasiswa dalam Lanskap Politik Kampus: Pemacu Generasi Muda Berjiwa Besar dan Tinggi Karisma Kepimpinan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 215-242.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., & Raymond Majumah, A. S. A. (2021e). Maslahat Literasi Pendidikan Politik Simbiosis Golongan Belia Dalam Mendepani Perubahan Lanskap Kepimpinan Negara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(38): 82 -104.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Mokhtar, S., Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., & Marzuki, M. (2021f). Signifikasi Keunikan Diversiti Budaya Masyarakat Majmuk Disulami Keharmonian, Disantuni Perpaduan Sebagai Nilai Tambah Kepercayaan Keluarga dan Pemangkin Diaspora Pelajar Antarabangsa Melanjutkan Pengajian Ke Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 01-28.
- Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Lukin, S. A., & Abdul Hamid, J. (2021g). Visibiliti Integrasi Sistem Infrastruktur dan Kesalinghubungan Kebertanggungjawaban Universiti dalam Konteks Menjana Kelestarian Persekitaran Pembelajaran Kondusif Kampus Bertaraf Antarabangsa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 23-41.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Lukin, S. A., Ationg, R., Abang Muis, A. M. R., Mohd Shah, M. K. (2020a). Adaptasi Kemandirian dan Kelestarian Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. 5 (21): 138-159.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., Ramlie, H. A., & Mohd Shah, M. K. (2020b). Strategi Akulturasi Dan Hasil Pembudayaan Berbeza Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia, *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 5 (21): 123-142.
- Othman, I. W. (2019a). Kemahiran Penggunaan Bahasa Sebagai Skil Universal dalam Improvasi Keyakinan dan Keterampilan Jati Diri Akademik Ekspatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10): 91-106.

- Othman, I. W. (2019b). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Ekspatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.
- Othman, I. W. (2019c). Kemahiran Penggunaan Bahasa Sebagai Skil Universal dalam Improvasi Keyakinan dan Keterampilan Jati Diri Akademik Ekspatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(10): 91-106.
- Othman, I. W. (2019d). Signifikasi Struktur Sosial Keluarga dan Hubungan Persahabatan dalam Mempengaruhi Pengalaman Ekspatriasi Ahli Akademik Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Politics, Public Policy and Social Work*, 1(3): 14-31.
- Ramlah Adam. (2014). *Pendaulatan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Ilmu di Malaysia: Sejarah dan Kedudukan Masa Kini*. Universiti Malaysia Perlis: Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM).
- Rozita Che Rodi & Hashim Musa. (2014). Bahasa Melayu Bahasa Negara Bangsa Malaysia. *Mahawangsa 1* (2): 257-272.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2019). Peranan dan Cabaran Bahasa Kebangsaan dalam Menyatupadukan Pelbagai Etnik di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4 (4): 1-11.
- Sharifah Darmia Sharif Adam. (2014). Cabaran dan reaksi pelaksanaan bahasa kebangsaan dalam bidang pentadbiran dan pendidikan di Malaysia, 1957-1966. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 134: 305-315.
- Shafiee, H., Mahamood, A. F., Manaf, A. R. A., Yaakob, T. K. S. T., Ramli, A. J., Mokhdzar, Z. A., Jamaluddin, J., Bajuri, M., & Ali, M. E. M. (2019). Pengaruh Bahasa Rojak Di Media Baharu Terhadap Bahasa Kebangsaan. *International Journal of Law, Government, and Communication*, 4(15): 141-153.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim, Ku Hasnita Ku Samsu. (2017). Pengukuran Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *Journal of Language Studies*, 17(2): 105-122.
- Sinar Harian. (2020). Baca buku percuma di perpustakaan @ u-Pustaka. Diakses pada 03 Julai 2021, dari <https://m.sinarharian.com.my/mobile-article?articleid=138320>.
- Sinar Harian. (2019). Ketagihan media sosial sudah serius. Diakses pada 03 Julai 2021, dari <https://www.sinarharian.com.my/article/55317/KOLUMNIS/Ketagihan-media-sosial-sudah-serius>.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat @ Mustaffa. (2017). Program Kesusasteraan Melayudi Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Pelaksanaan Dan Cabaran. *Jurnal Melayu*, 16(1): 19-31.
- Tuah Ishak & Mohini Mohamed. (2010). Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI): Suatu Isu Berulang. *Jurnal Teknologi*, 53(Sains Sosial): 95-106.
- Yusfarina Mohd Yussof & Abdul Rasid Jamian. (2011). Pembinaan Negara bangsa dan identiti kebangsaan melalui pemeraksanaan bahasa dalam sistem persekolahan. *Pendidikan bahasa dan kesusasteraan*, 11(1): 10-16.
- Zulkifley Hamid & Naidatul Zamrizam Abu. (2013). Memupuk perpaduan di Malaysia – Santun bahasa dalam kalangan murid pelbagai etnik dari aspek penggunaan kata ganti nama diri. *Malaysian Journal of Society and Space* 9(4): 86-98.